

1,600 masuk sehari -- Pekerja asing banjiri Malaysia akibat kelonggaran peraturan

Malaysia akan terus dibanjiri kemasukan pekerja asing sehingga 1,600 orang sehari selagi peraturan Imigresen dan dasar pengambilan pekerja yang disifatkan sebagai amat longgar tidak diperketatkan.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), G. Rajasekaran berkata, rekod kemasukan pekerja asing yang amat tinggi itu adalah tidak munasabah. "Fakta ini amat membimbangkan MTUC kerana ia boleh mengancam pasaran buruh kita. "Kerajaan perlu berbuat sesuatu berhubung dasar ini. Jangan nanti pekerja tempatan menjadi peminta sedekah di tempat sendiri.",

Menurut G.Rajasekaran, pengeluaran permit pekerja asing dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira keperluan sebenar pihak majikan merupakan antara punca kebanjiran pekerja asing. Adalah dianggarkan terdapat 2.5 juta pekerja asing di Malaysia termasuk yang masuk secara haram. Ia merupakan kira-kira 25 peratus daripada keseluruhan pekerja di negara ini iaitu sebanyak 11 juta orang. Beliau menegaskan bahawa MTUC pernah mendapat maklumat bahawa sebanyak 48,000 permit telah dikeluarkan oleh kerajaan untuk menggaji pekerja asing bagi sektor tertentu dalam tempoh sebulan. Permit telah dikeluarkan dengan sesuka hati tanpa berasaskan kepada keperluan dan analisis mengenai implikasinya. *Bayangkan dalam tempoh 30 hari sebanyak 48,000 permit dikeluarkan. "Berapa banyakkah permit dikeluarkan dalam tempoh setahun"?*

Beliau berpendapat bahawa "Sepatutnya kerajaan perlu lebih berhati-hati dengan melihat kepada keperluan sebenar penggunaan tenaga pekerja asing kerana kita tidak mahu berlaku penganiayaan ke atas pekerja tempatan. Kebanjiran pekerja asing di negara ini semakin serius sehingga Jabatan Imigresen terpaksa menjadikan aras tiga ruang letak kereta Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang sebagai tempat memproses kemasukan mereka. Apatah lagi sebahagian besar daripada mereka tidak dituntut oleh ejen atau majikan menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung makan minum mereka dan kemudian menghantar mereka ke pusat tahanan Imigresen sebelum dihantar pulang ke negara asal.

Kabinet pada 3 Oktober 2007 memutuskan untuk membekukan pengambilan pekerja asing dari Bangladesh berkuat kuasa serta-merta berikutan pelbagai masalah dan kerentan yang ditimbulkan oleh ejen-ejen yang terlibat dalam membawa masuk pekerja dari negara tersebut. Selain Bangladesh, Malaysia bergantung kepada 10 lagi negara sumber terutama Indonesia, Vietnam, Thailand, Myanmar, Nepal, Pakistan dan India.

Menurut G.Rajasekaran, *peraturan berkaitan pekerja asing amat longgar*. Majikan dan ejen boleh terlepas begitu sahaja walaupun mereka melakukan kesalahan. Antara kelonggaran itu ialah pengeluaran permit sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira kesannya kepada pasaran pekerjaan serta tiada tindakan tegas ke atas ejen yang membawa masuk pekerja yang tidak dituntut majikan. Peraturan longgar itu menyebabkan terdapat sekumpulan majikan lebih cenderung menggunakan khidmat pekerja asing berbanding pekerja tempatan.

Majikan-majikan inilah sengaja mahu mengurangkan kos dengan cara menggaji pekerja asing. Sekiranya majikan itu menggaji pekerja tempatan mereka mendakwa kos operasi akan lebih

MALAYSIAN TRADES UNION CONGRESS – Oct/ Nov 2007

meningkat kerana mereka terpaksa membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). "Tenaga pekerja asing sudah tentu mudah untuk diperah dan dieksplorasi berbanding pekerja tempatan. Atas alasan ini majikan rela menggaji pekerja asing," katanya.

Beliau berpendapat bahawa kilang atau syarikat yang sengaja tidak mahu menggaji pekerja tempatan perlu dikenakan tindakan paling berat mengikut peruntukan undang-undang sedia ada. "Majikan-majikan seperti inilah yang menyebabkan kebanjiran pekerja asing di negara kita. Lama-kelamaan jumlah pekerja tempatan yang kehilangan pekerjaan akan terus meningkat. *Kerajaan perlu memantau situasi ini kerana kecenderungan majikan mendapatkan pekerja asing akhirnya akan memberi kesan buruk kepada pasaran kerja di negara kita.* Inilah isu serius yang perlu ditangani segera," ujarnya. Sumber: Utusan Malaysia 16 Oktober 2007